

Dasar atasi masalah harga, kualiti kediaman

Kuala Lumpur: Langkah kerajaan merangka Dasar Perumahan Mampu Milik (DRMM) tepat pada masanya ketika rakyat berdepan dengan masalah harga kediaman yang tinggi.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata dasar yang komprehensif sangat perlu kerana kepentingan semua pemegang taruh perlu diambil perhatian termasuk pembeli, syarikat perumahan, kerajaan negeri, pejabat tanah dan Kerajaan Persekutuan.

“Rakyat sudah sedia maklum harga rumah, terutama di kawasan bandar terlalu tinggi dan golongan B40 juga sudah tidak mampu memilikinya, termasuk di luar bandar sekali pun,” katanya ketika

dihubungi BH semalam.

Beliau berkata, dalam perancangan pelaksanaan dasar itu, kerajaan diharap dapat mengambil kira alternatif pembiayaan yang tidak membabitkan pinjaman bank kerana kadar faedah dikenakan boleh membebankan pembeli, terutama kumpulan sasar.

“Kerajaan harus fokus kepada pembelian rumah berkonsep ‘masyarakat mutanaqisah’ yang membolehkan pembeli memiliki rumah dengan membayar sebahagian harga rumah, selain membayar sewa bulanan.

“Kadar sewa yang dikenakan adalah berdasarkan purata kadar sewa di tempat berkenaan dan pembeli juga akan membayar bahagian rumah yang belum dimilikinya sedikit demi sedikit setiap bulan.



Ahmed Razman Abdul Latiff

Elak spekulator

“Konsep itu tidak membabitkan kadar faedah bank dan dapat mengelakkan spekulator atau pihak yang membeli rumah untuk mendapat keuntungan segera,” katanya.

Sementara itu, Gamuda Bhd (Ga-

muda) menyifatkan langkah kerajaan merangka DRMM dapat membantu pemaju membangunkan lebih banyak rumah baharu berkualiti tinggi, jaminan kebolehpercayaan dan pembinaan lebih cepat selain menawarkan lebih banyak kediaman pada harga mampu milik.

Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan Gamuda, Mohammed Rashdan Yusof, berkata sebagai pemaju hartanah, pihaknya menyambut baik usaha kerajaan dalam menyediakan strategi yang dilihat lebih inklusif, mapan dan menyediakan pasaran perumahan yang diperlukan rakyat.

“Dalam menjayakan usaha itu, Gamuda bersedia memberi sokongan sepenuhnya kepada kerajaan dan komuniti pemaju di negara.

“Ia termasuk dalam menyediakan teknologi sistem binaan berindustri (IBS) Robotik Digital bagi membina dan menyediakan perumahan baharu kepada rakyat, selari dengan Dasar Perumahan Negara yang baharu,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Gamuda berkata dengan keupayaan dua kilang IBS Robotik Digital Gamuda, pihaknya mampu menyiapkan 10,000 unit rumah setahun yang membolehkan ia dipasang mengikut spesifikasi mana-mana pemaju.

“Dengan teknologi berkenaan, ia dapat menjimatkan kos dan mengurangkan pembaziran tanpa mengeneipkan aspek kreativiti serta mengambil masa lebih singkat untuk dibina,” katanya.